


# Memperingati Ulangtahun Hari Angkatan Tentera Ke-47

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



■ Anggota dari tiga perkhidmatan bergandeng babu di upacara Hari Kebangsaan.

Oleh KAPTEN MAZKAN BIN NOORDIN

HARI INI — 16 September — genaplah 47 tahun usia Angkatan Tentera Malaysia. Sebuah ketumbukan Tentera yang paling disengai di rantau ini Malah merupakan negara yang menjadi contoh kepada mata dunia kerana masih berjaya memberes kegiatan-kegiatan komunis yang ingin meporak-perandakan negara.

Bila orang berbicara tentang peperangan gerila, Malaysia — sebuah negara yang kecil akan muncul menjadi contoh sebagai sebuah negara yang berjaya menentang dan mengawal kegiatan keganasan komunis ini.

Dekad lapan puluhan ini adalah merupakan tahun-tahun yang mencabar kewibawaan kita. Semuanya ini adalah dipengaruhi oleh perkembangan-per-

kembangan di rantau ini, yang mana akan menentang dan arah perkembangan angkatan tentera kita.

Ketua Turus Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato Sany pernah berkata, "Perkembangan-perkembangan di Indocina khususnya yang berlaku memberi petunjuk bahawa cabaran-babaran dalam tahun-tahun 80an mungkin lebih besar."

## Keupayaan

Memandangkan kepada soal-soal ini perlunya kita bersedia untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan kita untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Amatlah penting bagi setiap anggota tentera untuk mengemaskinkan pengetahuan masing-masing, boleh menilai

setiap perkembangan dan dapat mengambil langkah-langkah yang positif dalam usaha menghadapinya nanti.

Ketuhan negara perlulah diperkukuhkan. Pengorbanan dan semangat cintakan tanahair perlu ujud di dada setiap warganegara. Pertahanan negara bukanlah menjadi tanggungjawab anggota tentera saja, malahan ia juga adalah merupakan kewajiban yang perlu dipikul bersama oleh setiap warganegara.

Dengan pergolakan dan perkembangan-perkembangan baru yang berlaku setiap hari baik di dalam atau di luar negeri, perhatian kepada pertahanan perlu juga dipertingkatkan lebih baik bersedia daripada tidak. Lebih baik melawak jika terpaksa.

Kita haruslah sedar bahawa semangat anggota-anggota komunis amat tinggi dan meningkat semenjak

berakhirnya perang di Indocina. Perlu lah setiap anggota tentera itu menegai musuh yang mereka hadapi.

Ketua Turus Tentera Darat, Lt. Jen Tan Sri Mohd Ghaffar Seth pernah berkata, "Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memunuh dan menghalang komunis-komunis ini dari menjalankan kegiatan militan dan subversif mereka terhadap kerajaan dan rakyat."

## Membalas

Kita wajib mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengani dan memahami bakal lawan yang mungkin sedang memerhati keadaan kita dengan penuh minat dan teliti. Kita mesti tahu siapa ribaknya yang berhadapan kita. Tidak selagi kita dalam keadaan kelemahannya. Kita perlu bersedia untuk menghadapi apa saja kemungkinan dan bersedia membalas jika dicerooh."

tambahnya lagi.

Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri kita pernah menulis, "Musuh yang diantangi oleh perajurit kita, benar atau salah, berjuang kerana luhur kepercayaannya. Apa yang mereka harapkan ialah perjuangan sengit yang luhur, kekalahan dan baka kemenangan. Apabila mereka menyertai pengans komunis, mereka mengetahui akan cedera, mati, ditangkap dan hidup sengsara dalam hutan."

"Sukar menentang musuh seperti ini tanpa keyakinan dan semangat yang kukuh," tambahnyalah lagi.

Pengorbanan maha penting dalam mempertahankan negara. Tidak selagi kita dalam soal ini. Kita lah yang perlu berdir teguh, bersatu dan kekal menghadapi apa sahaja percubaan yang cuba memecah-

belahkan perpaduan kita sebagai sebuah negara.

Dr. Mahathir selanjutnya menekankan, "Pengorbanan besar perajurit ialah untuk kepentingan seluruh rakyat dan negara. Kegagalan golongan ini berjuang dengan gagah berani akan mengakibatkan musuh, akan mengakibatkan seluruh rakyat terlibat."

## Khidmat

Tanpa pengorbanan perajurit kita, tidak akan ada negara dan tidak akan ada kebebasan dan cita-cita. Tanpa pengorbanan mereka, yang tinggal hanya selimut bagi semua penindasan bagi perajurit itu dan keluar-gannya, bagi saudara maranya dan sahabat-sahabatnya, dan semua yang dicintainya," jolannya lagi.

Tema yang ditonjolkan dan lain-lain dipergunakan yang berkesan Hari

Angkatan Tentera pada tahun ini ialah "Berkorban demi ketuhan negara." Perlunya pengorbanan itu bukan saja ujud di dada perajurit-perajurit kita tetapi hendaklah ditunjukkan pada setiap warganegara.

Bola-bola kita dapat memainkan peranan mereka. Perkembangan angkatan tentera dengan penambahannya dalam ketiga-tiga perkhidmatan memerlukan tenaga-tenaga mereka. Khidmat bakti mereka sangat-sangat diperlukan oleh negara.

Peluang-peluang banyak terbuka bagi mereka apabila membebaskan diri dalam perkhidmatan yang unik dan berdisciplin ini. Selain dari meningkat maju mereka juga boleh mengajarkan cita-cita untuk memajukan perkhidmatan yang ditangan mereka. Tema yang ditonjolkan dan lain-lain dipergunakan yang berkesan Hari

Peranan mereka amatlah penting kerana tenaga mereka itu adalah tulang belulang negara. Baik pemuda atau pemuda, tidak siasilah berkorban untuk negara kita. Bangsa yang mulia senantiasa menghargai perajurit-perajuritnya.

## Menghargai

Amatlah dikesalkan jika setiap warga masyarakat tidak tahu tenteranya. Apa perlunya kepada sebuah angkatan tentera dan sejarahnya. Angkatan tentera kita ulang 47 tahun yang lalu, ianya adalah sebuah organisasi yang matang dan dewasa. Dengan hanya 25 orang anggota Tentera Darat, dari satu pasukan percubaan dalam tahun 1933, Tentera Darat kita kini meningkat dengan lebih 95 ribu ahli terkumulasi 35 ribu sukarelawan.